



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA

MEI 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 2.4 peratus pada Mei 2024, didorong oleh pertumbuhan output yang stabil dalam sektor Pembuatan

PUTRAJAYA, 12 JULAI 2024 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 2.4 peratus tahun ke tahun pada Mei 2024, didorong oleh pertumbuhan output yang stabil dalam sektor Pembuatan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Mei 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) kekal positif pada Mei 2024, mencatatkan pertumbuhan 2.4 peratus tahun ke tahun (April 2024: 6.1%). Peningkatan tersebut dipacu terutamanya oleh sektor Pembuatan yang bertumbuh 4.6 peratus (April 2024: 4.9%) dan pengembangan 4.2 peratus dalam output Elektrik (April 2024: 7.8%). Walau bagaimanapun, pengeluaran sektor Perlombongan merosot 6.9 peratus berbanding pertumbuhan dua digit 10.0 peratus yang direkodkan pada April 2024. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP pulih kepada 3.5 peratus daripada negatif 7.6 peratus."

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, "Pertumbuhan stabil dalam output sektor Pembuatan disokong peningkatan dalam industri berorientasikan eksport, yang meningkat sebanyak 3.7 peratus berbanding 2.6 peratus yang direkodkan pada April 2024. Ini merupakan pertumbuhan tertinggi yang dicatatkan sejak November 2022 (5.1%), didorong terutamanya oleh pemulihan yang kukuh dalam Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal kepada 8.4 peratus (April 2024: -1.4%); dan peningkatan 4.8 peratus dalam Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan (April 2024: 2.7%). Momentum pertumbuhan ini turut digambarkan dalam prestasi eksport barangan perkilangan negara yang berkembang 13.5 peratus pada Mei 2024 (April 2024: 11.9%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport meningkat 9.0 peratus berbanding negatif 11.6 peratus pada April 2024.

Pada masa sama, pertumbuhan pengeluaran industri berorientasikan domestik kekal kukuh sebanyak 6.4 peratus selepas mencatatkan 9.5 peratus pada April 2024.

Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler merupakan penyumbang utama dengan peningkatan sebanyak 10.3 peratus; diikuti oleh Pembuatan produk galian bukan logam lain (9.8%); dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (6.5%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik berkembang 2.3 peratus (April 2024: -1.3%).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Kemerosotan 6.9 peratus dalam sektor Perlombongan pada Mei 2024 disebabkan oleh penurunan pertumbuhan dua digit dalam pengeluaran Gas Asli iaitu pada negatif 10.3 peratus (April 2024: 14.9%), dan kejatuhan 1.9 peratus dalam output Minyak Mentah & Kondensat (April 2024: 3.5%). Begitu juga, indeks Perlombongan menyusut 8.9 peratus selepas menyusut 6.3 peratus pada bulan sebelumnya. Sementara itu, penjanaan Elektrik meningkat 4.2 peratus tahun ke tahun pada Mei 2024 (April 2024: 7.8%). Perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik pulih kepada 5.6 peratus (April 2024: -4.0%).”

Pada Mei 2024, IPP menunjukkan peningkatan trend bagi beberapa negara termasuk Amerika Syarikat, Singapura, Jepun, Vietnam, dan Taiwan. Walau bagaimanapun, IPP menyederhana di China dan Korea Selatan sementara Thailand mencatatkan penyusutan.


Merumuskan prestasi IPP bagi tempoh Januari hingga Mei 2024, Ketua Perangkawan berkata, “IPP bertambah baik iaitu sebanyak 3.6 peratus berbanding 1.9 peratus yang direkodkan pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pada tempoh tersebut, kesemua sektor mencatatkan pengembangan, iaitu indeks Perlombongan (4.1%); indeks Pembuatan (3.1%); dan indeks Elektrik (7.8%).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
Mei 2023 - Mei 2024**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Mei 2023 - Mei 2024**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
April 2024 dan Mei 2024**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Mei 2023 - Mei 2024



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, April 2024 dan Mei 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, April 2024 dan Mei 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 JULAI 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA

MAY 2024

***The Industrial Production Index rose 2.4 per cent in May 2024,
driven by steady output growth in the Manufacturing sector***

PUTRAJAYA, 12 JULY 2024 – The Industrial Production Index rose by 2.4 per cent year-on-year in May 2024, driven by steady output growth in the Manufacturing sector. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, May 2024**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The Industrial Production Index (IPI) remained positive in May 2024, registering a year-on-year growth of 2.4 per cent (April 2024: 6.1%). The increase was primarily driven by the Manufacturing sector which grew by 4.6 per cent (April 2024: 4.9%) and a 4.2 per cent expansion in Electricity output (April 2024: 7.8%). However, the Mining sector output plummeted by 6.9 per cent, contrasting double-digit growth of 10.0 per cent recorded in April 2024. Compared to the previous month, the IPI rebounded to 3.5 per cent from negative 7.6 per cent."

The Chief Statistician further commented, "The steady output growth in the Manufacturing sector was bolstered by the acceleration in export-oriented industries, which grew by 3.7 per cent as against 2.6 per cent recorded in April 2024. This marked the highest growth registered since November 2022 (5.1%), driven primarily by a strong rebound in the Manufacture of computer, electronics and optical products to 8.4 per cent (April 2024: -1.4%) and a 4.8 per cent increase in Manufacture of vegetable and animal oils and fats (April 2024: 2.7%). The growth momentum is also reflected in the country's manufactured goods export performance, which expanded by 13.5 per cent in May 2024 (April 2024: 11.9%). On a month-on-month basis, export-oriented industries turned upward by 9.0 per cent from negative 11.6 per cent in April 2024.

In the meantime, the growth of domestic-oriented industries output remained sound at 6.4 per cent after registering 9.5 per cent in April 2024. The Manufacture of motor

vehicles, trailers & semi-trailers contributed significantly, increased by 10.3 per cent; followed by the Manufacture of other non-metallic mineral products (9.8%); and the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (6.5%). Compared to the previous month, the domestic-oriented industries expanded by 2.3 per cent (April 2024: -1.3%).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “The deterioration of 6.9 per cent in the Mining sector in May 2024 was due to a double-digit decline in Natural Gas production at negative 10.3 per cent (April 2024: 14.9%) and a drop of 1.9 per cent in the Crude Oil & Condensate output (April 2024: 3.5%). Likewise, the Mining index decreased by 8.9 per cent following a 6.3 per cent decline in the preceding month. Meanwhile, the generation of Electricity grew by 4.2 per cent year-on-year in May 2024 (April 2024: 7.8%). On a month-on-month basis, the Electricity index rebounded to 5.6 per cent (April 2024: -4.0%).”

In May 2024, the IPI showed an upward trend in several countries, such as the United States, Singapore, Japan, Vietnam, and Taiwan. However, the IPI was slowing down in China and South Korea while Thailand experienced a decline.


Summarising the IPI performance for the period of January to May 2024, the Chief Statistician said, “The IPI improved by 3.6 per cent as compared to 1.9 per cent recorded in the same period of the previous year. During the period, all sectors posted an expansion, namely the Mining index (4.1%); Manufacturing index (3.1%); and Electricity index (7.8%).”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
May 2023 – May 2024**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
May 2023 – May 2024**




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia, April 2024 and May 2024







Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, May 2023 – May 2024



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,
April 2024 and May 2024**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
April 2024 and May 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 JULY 2024**